

**PENCAPAIAN BAHASA MELAYU YANG RENDAH DALAM KALANGAN CALON
PENILAIAN MENENGAH RENDAH***(The Low Malay Language Achievement Among Lower Secondary Candidates)***ZURAINI JUSOH**zurainijusoh@gmail.com

Universiti Putra Malaysia

FADZILAH ABD. RAHMANfadzilah@educ.upm.edu.my

Universiti Putra Malaysia

NORAZLINA MOHD KIRAMnoraz@putra.upm.edu.my

Universiti Putra Malaysia

SAMSILAH ROSLANsamsilah@putra.upm.edu.my

Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK: Kertas kerja ini mengkategorikan murid-murid yang berpencapaian rendah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR), iaitu peringkat C dan D. Oleh itu, kajian kepustakaan telah dijalankan bagi mengenal pasti jumlah calon PMR yang berada dalam kategori ini. Analisis dibuat berdasarkan dokumen yang diperolehi dari Lembaga Peperiksaan Malaysia bagi tahun 2006 hingga 2011. Data dikumpul daripada lima zon yang mewakili setiap negeri, iaitu zon Pantai Timur, Selatan Malaysia, Utara Malaysia, Tengah, dan Malaysia Timur yang dianalisis secara deskriptif, iaitu peratusan dan kekerapan. Secara keseluruhannya, peratusan calon yang berpencapaian rendah mengikut zon ialah, negeri-negeri di Pantai Timur Malaysia (25.0% hingga 31.5%), negeri-negeri di Selatan Malaysia (27.6% hingga 35.5%), zon Utara (27.3% hingga 35.2%), zon Tengah (11.7% hingga 33.0%), dan zon Malaysia Timur (24.3% hingga 40.7%). Data menunjukkan Wilayah Persekutuan Putrajaya berada dalam kategori berpencapaian rendah paling sedikit namun, jika diperhatikan kepada peratusan perbezaan dari tahun 2006 hingga 2011, negeri ini mengalami peningkatan yang agak ketara, iaitu sebanyak 4.6%. Peratus perbezaan peningkatan paling sedikit dialami negeri Melaka dengan 3.0%. Manakala, tertinggi diperolehi Wilayah Persekutuan Labuan dengan 9.8%. Walaupun peratusan yang ditunjukkan agak kecil, namun bilangan calon yang berada dalam kategori ini membimbangkan. Oleh itu, usaha-usaha mengatasi atau mengurangkan permasalahan ini perlu dijalankan kerana rendah pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu saling berkaitan dengan mata-mata pelajaran lain juga.

Kata kunci: rendah pencapaian, Bahasa Melayu, Penilaian Menengah Rendah (PMR), analisis dokumen, mengikut zon

ABSTRACT : This paper categorizes the students that obtained low achievements that is those who scored C and D in the Malay Language subject in the Lower Secondary Assessment (PMR). A literature review was conducted to identify how many Lower Secondary Assessment (PMR) candidates that were in this category. Analysis were made based on documents obtained from the Malaysia Examination Board from year 2006 until 2011. The data collected from five zones that represented each state, the zone of the East Coast Malaysia, Southern Malaysia, Northern Malaysia, Central and East Malaysia were analysed descriptively by percentage and frequency. As a whole, the percentage of the low achievement for each zones are: the East Coast Malaysia zone (25.0% to 31.5%), Southern zone (27.6% to 35.5%), Northern zone (27.3% to 35.2%), Central zone (11.7% to 33.0%) and Eastern Malaysia zone (24.3% to 40.7%). The study shows that the Federal Territory of Putrajaya is least in the low achievement category, however, if the difference in percentage from the year 2006 to 2011 were to be observed, this state has increased significantly by 4.6%. The difference in percentage improvement is experienced by Melaka with 3.0%, while the highest is obtained by the Federal Territory of Labuan with 9.8%. Even though the percentages shown are relatively small, the number of candidates in this category is a worry.. Therefore, attempts to overcome or reduce these problem should be conducted as low achievement in Malay Language is interrelated with other subjects as well.

Keywords: low achievement, Malay language, Lower Secondary Assessment, document analysis, based on zone

PENGENALAN

Murid-murid berprestasi rendah mempunyai peluang yang besar untuk tercicir dan gagal menamatkan persekolahan mereka sebelum tiba masanya. Kesan keciciran dalam pendidikan adalah tinggi dan jika ini berlaku negara akan kerugian sumber manusia (Ab. Rahim 2008). Dalam hal ini, Hamidah, Siti Salina dan Farrah Dina (2004) menyatakan faktor utama yang menjadi punca kepada kelemahan prestasi murid-murid ini ialah keadaan sosioekonomi keluarga. Beliau dan rakan-rakan berpendapat keadaan keluarga yang serba kekurangan ini tidak dapat memenuhi keperluan asas dan keperluan fisiologi anak-anak yang membuatkan anak-anak ini tidak berminat terhadap ilmu pendidikan. Selain itu, tahap pendidikan yang rendah juga menyebabkan ibu bapa tidak dapat membantu meningkatkan tahap akademik anak-anak.

Kebanyakan kajian mendapati bahawa murid-murid berprestasi rendah biasanya sering ponteng kelas (Dunnewind 2002), mempunyai aspirasi yang rendah dan kurang bermotivasi (Azizi 2004). Manakala, secara lebih khusus dalam bidang pendidikan bahasa Melayu pula, murid-murid yang lemah dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis dikatakan mempunyai sikap rendah diri serta disiplin diri yang merosot (Abdul Rasid 2011). Malah, mereka juga didapati kurang jelas dengan masa depan (Cox 2009). Walau bagaimanapun, tahap kepintaran (IQ) mereka adalah sama dengan murid-murid yang berprestasi cemerlang (Poonam & Shanti 2006).

Murid-murid ini juga dapat digolongkan dalam kategori berisiko, iaitu berkemungkinan untuk gagal dan tercicir daripada alam persekolahan sebelum tiba masanya atau gagal menamatkan pengajian sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mereka dikatakan tidak nampak 'nilai' daripada apa yang dipelajari dan kegunaan belajar yang mendorong mereka kelihatan tidak berminat, bermain-main, sukar untuk faham dan akhirnya, bertingkah laku menyakitkan hati guru seperti membuat bising, bergaduh, dan tidur di dalam kelas (Zaidatol Akmaliah & Foo 2005).

Ciri utama yang digunakan untuk mentakrifkan murid berisiko adalah berasaskan pencapaian akademik yang rendah (Mohd Ibrahim 2005) yang biasanya diukur melalui ujian dan peperiksaan. Begitu juga dengan pendapat Nor Hayati (2005), iaitu seseorang murid itu dikatakan berisiko apabila mempunyai pencapaian akademik yang rendah dan biasanya ditempatkan di dua kelas terakhir di sekolah-sekolah harian, juga bermaksud mereka yang tercicir daripada sekolah. Manakala, antara ciri-ciri murid berisiko yang dinyatakan oleh Zaidatol Akmaliah (2008) ialah mereka lemah dalam akademik, bermasalah disiplin, kurang kemahiran komunikasi, serta bermasalah akhlak. Hasilnya, murid-murid ini akan ditempatkan di dalam kelas-kelas akhir dan prestasi ini biasanya dikaitkan dengan disiplin yang mempengaruhinya (Abdullah Sani 2006). Malah, jika tidak diatasi mereka juga dikhuatiri akan menjadi pekerja yang tidak produktif kelak setelah memasuki alam pekerjaan.

PERNYATAAN MASALAH

Mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari di peringkat sekolah dan menjadi syarat utama untuk melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya. Di dalamnya terkandung empat kemahiran utama, iaitu kemahiran membaca, mendengar, bertutur, dan menulis. Keempat-empat kemahiran ini dirangkumkan bersama-sama dan diserapkan dalam aktiviti pengajaran. Walau bagaimanapun, Juriah (2008) mendapati kualiti bahasa Melayu yang digunakan guru dan murid tidak selaras dengan martabatnya serta prestasi yang ditunjukkan murid pada era globalisasi dan teknologi maklumat belum sampai pada tahap yang boleh dibanggakan, terutamanya dalam aktiviti lisan dan penulisan yang masih memperlihatkan kesalahan asas bahasa. Begitu juga dengan Zulkifley (2005) yang mendapati secara umumnya, tahap pencapaian murid-murid masih tidak memuaskan. Manakala, kajian oleh Nor Hashimah, Junaini dan Zaharani (2010) mendapati 32.7% remaja mengatakan bahawa Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang membosankan dan 32.4% remaja berpendapat kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu terlalu banyak untuk dipelajari.

Dalam bidang pendidikan, penggunaan konsep bahasa merentas kurikulum bukan sahaja penting untuk pengajaran dan pembelajaran (P&P bahasa semata-mata). Malah, ia penting untuk mata pelajaran lain dan aktiviti kokurikulum kerana semuanya berkaitan dengan bahasa. Lemahnya

penguasaan murid-murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu akan mempengaruhi penguasaan mereka dalam mata-mata pelajaran lain juga. Mereka juga ditempatkan di dalam kelas-kelas hujung.

Justeru, kertas kerja ini dihasilkan untuk mengenal pasti bilangan calon yang berada dalam kategori berprestasi rendah dalam enam tahun kebelakangan. Data ini diperoleh dari pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia, iaitu dari tahun 2006 hingga 2011. Diharapkan dengan terhasilnya kertas kerja ini kajian-kajian lanjut dapat dijalankan bagi mengenal pasti dan mengatasi masalah ini. Hal ini kerana kertas kerja ini dihasilkan sekadar berbentuk pemaparan secara statistik pencapaian calon PMR.

OBJEKTIF KAJIAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti bilangan calon yang berprestasi rendah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) di seluruh negara.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis dokumen yang diperoleh dari pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia. Data yang dianalisis meliputi tahun 2006 hingga 2011 bagi lima zon yang telah ditetapkan.


DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian dihuraikan berdasarkan lima zon, iaitu zon Pantai Timur, Selatan, Utara, Tengah, dan Malaysia Timur. Zon Pantai Timur meliputi negeri Kelantan, Terengganu, dan Pahang. Zon Selatan meliputi negeri Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan. Zon Utara meliputi negeri Kedah, Perlis, Perak, dan Pulau Pinang. Zon Tengah meliputi negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Selangor. Manakala, zon Malaysia Timur meliputi negeri Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Huraian dapatan kajian adalah seperti berikut:

Jadual 1: Pencapaian Bahasa Melayu bagi negeri-negeri di sebelah pantai timur Semenanjung Malaysia

Negeri	Tahun	Jumlah Calon	C (%)	D (%)	C+ D (%)	Jumlah Calon C+D
Kelantan	2006	36,018	17.7	11.9	29.6	10,661
	2007	39,706	17.2	14.2	31.4	12,468
	2008	36,834	17.1	14.4	31.5	11,495
	2009	36,493	17.3	13.6	30.9	11,276
	2010	36,212	16.3	11.5	27.8	10,067
	2011	35,188	17.2	12.4	29.6	10,416
Terengganu	2006	23,826	17.8	10.6	28.4	6767
	2007	23,970	15.5	11.4	26.9	6448
	2008	23,949	14.4	10.6	25.0	5987
	2009	23,318	14.9	11.0	25.9	6039
	2010	23,302	15.5	10.3	25.8	6012
	2011	22,837	15.1	10.2	25.3	5778
Pahang	2006	26,347	18.3	11.9	30.2	7957
	2007	26,535	17.2	12.3	29.5	7828
	2008	26,606	16.4	12.4	28.8	7663
	2009	25,842	16.9	12.1	29.0	7494
	2010	25,833	16.2	11.0	27.2	7027
	2011	25,614	16.7	11.0	27.7	7095

Berdasarkan Jadual 1, zon Pantai Timur terdiri daripada negeri Kelantan, Terengganu, dan Pahang. Kajian mendapati negeri Kelantan mempunyai calon PMR yang paling ramai, iaitu antara 35,188 orang pada tahun 2011 hingga 39,706 orang pada tahun 2007. Seterusnya, diikuti dengan Terengganu dan Pahang yang mempunyai bilangan calon antara 23,302 orang hingga 26,606 orang sahaja, iaitu perbezaan julat minimum dan maksimum antara 11,886 orang hingga 13,100 orang. Didapati calon dari Pahang paling ramai berada dalam kategori berprestasi rendah pada tahun 2006, iaitu sebanyak 30.2% (7957 orang), diikuti dengan Kelantan 29.6% (10,661 orang), dan Terengganu 28.4% (6767 orang). Peratusan bilangan calon berprestasi rendah dipermudahkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Pencapaian Bahasa Melayu bagi negeri-negeri di sebelah pantai timur Semenanjung Malaysia


Pada tahun 2007, calon dari negeri Kelantan didapati paling ramai berada dalam kategori berprestasi rendah dengan 31.4% (12,468 orang), diikuti Pahang dengan 29.5% (7828 orang) dan Terengganu 26.9% (6448 orang). Pada tahun 2008 hingga 2011, Kelantan masih paling ramai berada dalam kategori ini, iaitu dengan 31.5% (11,495 orang) tahun 2009, 30.9% (11,276 orang) tahun 2010, 27.8% (10,067 orang), dan tahun 2011 dengan 29.6% (10,416 orang). Didapati calon dari negeri Kelantan dan Pahang mempunyai bilangan calon yang lebih kurang sama berprestasi rendah iaitu, bagi negeri Kelantan antara 31.5% - 27.8%, dan Pahang antara 30.2% - 27.2%. Manakala, peratus berprestasi rendah dalam kalangan calon PMR dari negeri Terengganu tidak pernah mencapai 30%, iaitu antara 28.4% - 25.0% sahaja.

Jadual 2: Pencapaian Bahasa Melayu bagi negeri-negeri di bahagian selatan Semenanjung Malaysia

Negeri	Tahun	Jumlah Calon	C (%)	D (%)	C+ D (%)	Jumlah Calon C+D
Johor	2006	53,419	19.7	15.8	35.5	18,964
	2007	55,539	17.7	16.8	34.5	19,161
	2008	56,705	18.2	16.6	34.8	19,733
	2009	57,469	19.0	16.1	35.1	20,172
	2010	57,699	18.4	14.7	33.1	19,098
	2011	57,895	18.2	13.9	32.1	18,584
Melaka	2006	13,672	19.6	13.3	32.9	4498
	2007	14,243	16.7	13.2	29.9	4259
	2008	14,487	18.6	14.3	32.9	4766
	2009	14,513	17.6	13.4	31.0	4499
	2010	14,512	18.2	11.7	29.9	4339
	2011	15,079	18.1	12.2	30.3	4569

Negeri Sembilan	2006	18,641	17.4	13.6	31.0	5779
	2007	19,150	16.5	14.8	31.3	5994
	2008	19,040	16.7	13.7	30.4	5788
	2009	19,412	16.0	13.8	29.8	5785
	2010	19,062	15.4	12.7	28.1	5356
	2011	19,359	15.1	12.5	27.6	5343

Jadual 2 menunjukkan bilangan calon berprestasi rendah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi negeri-negeri zon Selatan, iaitu Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan. Didapati ketiga-tiga negeri pernah mencapai sebanyak 30%. Namun, sepanjang enam tahun ini, negeri Johor sentiasa berada dalam kategori tertinggi dengan 35.5% (18,964 orang) pada tahun 2006, 34.5% (19,161 orang) pada tahun 2007, 34.8% (19,733 orang) pada tahun 2008, 35.1% (20,172 orang) pada tahun 2009, 33.1% (19,098 orang) pada tahun 2010, dan 32.1% (18,584 orang) pada tahun 2011. Sepanjang enam tahun ini, negeri Johor mencapai peratus berprestasi rendah di antara 35.55 - 32.1%, diikuti Melaka dengan 32.9% - 29.9%, dan Negeri Sembilan, iaitu di antara 31.3% - 27.6%. Rajah 1 menunjukkan peratusan bilangan calon berprestasi rendah bagi negeri-negeri ini.



Rajah 2: Peratusan bilangan calon berprestasi rendah bagi negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia


Jadual 3 menunjukkan bilangan calon berprestasi rendah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi negeri-negeri di bahagian utara Malaysia, iaitu Kedah, Perlis, Perak, dan Pulau Pinang. Huraian dapatan adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Pencapaian Bahasa Melayu di negeri-negeri bahagian utara Semenanjung Malaysia

Negeri	Tahun	Jumlah Calon	C (%)	D (%)	C+ D (%)	Jumlah Calon C+D
Kedah	2006	35,882	21.1	13.5	34.6	12,415
	2007	36,275	18.5	14.9	33.4	12,116
	2008	37,010	18.8	14.8	33.6	12,435
	2009	37,623	18.0	13.7	31.7	11,926
	2010	38,580	18.4	12.8	31.2	12,037
	2011	38,460	18.4	12.6	31.0	11,923
Perlis	2006	4681	19.2	13.0	32.2	1507
	2007	4765	14.8	12.5	27.3	1301

	2008	4724	16.1	12.2	28.3	1337
	2009	4706	17.0	13.1	30.1	1417
	2010	4781	15.7	11.6	27.3	1305
	2011	4783	16.2	11.1	27.3	1306
Perak	2006	42,523	18.8	14.8	33.6	14,287
	2007	43,381	17.6	16.8	34.4	14,923
	2008	43,495	16.6	14.6	31.2	13,570
	2009	44,005	17.2	14.9	32.1	14,125
	2010	44,000	17.3	14.0	31.3	13,772
	2011	43,186	17.5	13.9	31.4	13,560
P. Pinang	2006	21,254	20.5	14.7	35.2	7481
	2007	21,946	17.3	15.4	32.7	7176
	2008	22,664	17.3	15.1	32.4	7343
	2009	23,305	17.7	14.6	32.3	7528
	2010	23,718	18.2	13.5	31.7	7519
	2011	23,846	17.8	12.3	30.1	7178

Berdasarkan Jadual 3, didapati sepanjang enam tahun kebelakangan ini calon dari Pulau Pinang menunjukkan bilangan calon berpencapaian rendah tertinggi. Sebanyak empat kali negeri ini memperoleh bilangan calon paling ramai berpencapaian rendah, iaitu pada tahun 2006 dengan 35.5% (7481 orang), pada tahun 2009 dengan 32.3% (7528 orang), dan pada tahun 2010 dengan 31.7% (7519 orang). Hal ini diikuti oleh negeri Perak yang tertinggi berpencapaian rendah pada tahun 2007 dengan 34.4% (14,923 orang) dan tahun 2011 dengan 31.4% (13,560 orang).




Rajah 3: Pencapaian Bahasa Melayu di negeri-negeri bahagian utara Semenanjung Malaysia

Manakala, negeri Kedah pernah mencapai berpencapaian rendah tertinggi pada tahun 2008 dengan 33.6% (12,435 orang) calon. Didapati bahawa, keempat-empat negeri di utara Malaysia ini boleh dikatakan berada dalam kategori berpencapaian rendah yang agak tinggi, iaitu sebanyak 30% daripada calon PMR negeri-negeri ini memperoleh peringkat C dan D. Misalnya di negeri Kedah, dari tahun 2006 - 2011 pernah mencapai kategori ini di antara 34.6% - 31.0%, Perlis di antara 32.2% - 27.3%, Perak di antara 34.4% - 31.2%, dan Pulau Pinang di antara 35.2% - 30.1%.

Jadual 4. Pencapaian Bahasa Melayu bahagian Zon Tengah Semenanjung Malaysia

Negeri	Tahun	Jumlah Calon	C (%)	D (%)	C+ D (%)	Jumlah Calon C+D
W.P. Kuala Lumpur	2006	22,407	19.6	13.4	33.0	7394
	2007	23,057	17.3	14.5	31.8	7332
	2008	23,093	18.3	14.7	33.0	7621
	2009	24,053	19.0	13.5	32.5	7817
	2010	23,912	17.2	12.5	29.7	7102
	2011	23,738	18.4	11.7	30.1	7145
W.P. Putrajaya	2006	-	-	-	-	-
	2007	903	7.8	3.9	11.7	106
	2008	939	12.5	3.8	16.3	153
	2009	1160	10.2	3.2	13.4	155
	2010	1212	9.6	2.8	12.4	150
	2011	1275	10.3	4.4	14.7	187
Selangor	2006	67,316	18.5	12.5	31.0	20,868
	2007	71,508	16.3	13.6	29.9	21,380
	2008	74,811	16.8	13.8	30.6	22,892
	2009	76,847	16.9	13.2	30.1	23,131
	2010	78,950	15.7	11.8	27.2	21,474
	2011	80,367	16.2	11.5	27.7	22,262

Bagi negeri-negeri di bahagian tengah pula didapati Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur paling ramai calon PMR yang berada dalam kategori berpencapaian rendah. Pada tahun 2006 sebanyak 33.0% (7394 orang) berpencapaian rendah, 31.8% (7332 orang) pada tahun 2007, 33.0% (7621 orang) pada tahun 2008, 32.5% (7817 orang) pada tahun 2009, dan pada tahun 2011 dengan 30.1% (7145 orang). Namun, pada tahun 2010, berlaku penurunan dalam kalangan calon yang berada dalam kategori ini, iaitu di bawah 30% (29.7% atau sebanyak 7102 orang calon PMR). Dari segi peratusan minimum dan maksimum yang dicapai bagi negeri-negeri bahagian tengah ini, antara 33.0% - 29.7% calon berada dalam kategori ini di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 31.0% - 27.2% di Selangor, dan dalam lingkungan 16.3% - 11.7% di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Dapatkan diringkaskan seperti dalam Rajah 4 berikut :




Rajah 4: Pencapaian Bahasa Melayu bahagian Zon Tengah Semenanjung Malaysia

Jadual 5 menunjukkan pencapaian Bahasa Melayu bagi negeri-negeri di Malaysia Timur, iaitu Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dapatan dihuraikan seperti berikut:

Jadual 5: Pencapaian Bahasa Melayu mengikut negeri Malaysia Timur

Negeri	Tahun	Jumlah Calon	C (%)	D (%)	C+ D (%)	Jumlah Calon C+D
Sabah	2006	37,002	26.4	14.3	40.7	15,060
	2007	38,505	24.1	15.1	39.2	15,094
	2008	38,466	23.6	13.9	37.5	14,425
	2009	38,140	23.9	14.9	38.8	14,798
	2010	38,841	23.8	12.9	36.7	14,255
	2011	39,687	25.4	14.9	40.3	15,994
Sarawak	2006	37,890	24.3	14.0	38.3	14,512
	2007	41,180	22.6	15.9	38.5	15,854
	2008	40,269	20.4	14.0	34.4	13,853
	2009	39,767	21.4	14.3	35.7	14,197
	2010	39,523	21.0	12.3	33.3	13,161
	2011	40,102	22.5	13.8	36.3	14,557
W.P. Labuan	2006	1148	25.7	8.4	34.1	391
	2007	1161	19.8	9.4	29.2	339
	2008	1134	15.5	8.8	24.3	276
	2009	1147	21.5	9.9	31.4	360
	2010	1170	20.0	10.5	30.5	357
	2011	1223	24.1	9.9	34.0	416

Berdasarkan Jadual 5, didapati negeri Sabah mempunyai bilangan calon PMR tertinggi berprestasi rendah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu selama enam tahun berturut-turut. Malah, selama dua tahun Sabah mencatat lebih 40%, iaitu pada tahun 2006 dengan 40.7% (15,060 orang), dan tahun 2011 sebanyak 40.3% (15,994 orang). Manakala, pada tahun 2007 dengan 39.2% (15,094 orang), 37.5% (14,425 orang) pada tahun 2008, 38.8% (14,798 orang), dan pada tahun 2010 dengan 36.7% (14,255 orang). Namun, data menunjukkan negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan juga mencatatkan jumlah yang tinggi. Jika diperhatikan kepada nilai minimum dan maksimum untuk enam tahun ini bagi ketiga-tiga negeri, Sabah dengan 40.7% - 36.7%, Sarawak dengan 38.5% - 33.3%, dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan 34.1% - 24.3%. Dapatan diringkaskan seperti dalam Rajah 4.



Rajah 5: Pencapaian Bahasa Melayu mengikut negeri Malaysia Timur

Jadual 6 menunjukkan peratusan kategori berprestasi rendah mengikut negeri bagi enam tahun terkini. Dapatan dihuraikan seperti berikut:

Jadual 6: Peratusan kategori berprestasi rendah mengikut negeri dan tahun

Negeri	Tahun (%)						Nilai Perbezaan
	2006	2007	2008	2009	2010	2011	
Kelantan	29.6	31.4	31.5	30.9	27.8	29.8	3.6
Terengganu	28.4	26.9	25.0	25.9	25.8	25.3	3.1
Pahang	30.2	29.5	28.8	29.0	27.2	27.7	3.0
Johor	35.5	34.5	34.8	35.1	33.1	32.1	3.4
Melaka	32.9	29.9	32.9	31.0	29.9	30.3	3.0
Negeri Sembilan	31.0	31.3	30.4	29.8	28.1	27.6	3.7
Kedah	34.6	33.4	33.6	31.7	31.2	31.0	3.6
Perlis	32.2	27.3	28.3	30.1	27.3	27.3	4.9
Perak	33.6	34.4	31.2	32.1	31.3	31.4	3.2
P. Pinang	35.2	32.7	32.4	32.3	31.7	30.1	5.1
W.P Kuala Lumpur	33.0	31.8	33.0	32.5	29.7	30.1	3.3
W.P Putrajaya	-	11.7	16.3	13.4	12.4	14.7	4.6
Selangor	31.0	29.9	30.6	30.1	27.2	27.7	3.8
Sabah	40.7	39.2	37.5	38.8	36.7	40.3	4.0
Sarawak	38.3	38.5	34.4	35.7	33.3	36.3	5.2
W.P Labuan	34.1	29.2	24.3	31.4	30.5	34.0	9.8

Berdasarkan Jadual 6, didapati perbezaan nilai minimum dan maksimum bagi Wilayah Persekutuan Labuan paling tinggi iaitu, sebanyak 9.8% diikuti dengan Sarawak (5.2%), Pulau Pinang (5.1%), Perlis (4.9), Wilayah Persekutuan Putrajaya (4.6), dan Sabah (4.0). Manakala, negeri-negeri lain menunjukkan perbezaan di antara 3.0% - 3.8%. Keadaan ini menunjukkan bahawa bilangan calon yang ramai mahupun sedikit tidak membantu kepada penurunan peratusan calon PMR yang berada dalam kategori berprestasi rendah bagi negeri-negeri ini. Hal ini dibuktikan dengan peratusan kategori berprestasi rendah yang tinggi dicatatkan Wilayah Persekutuan Labuan. Walaupun mempunyai bilangan calon kurang daripada 2000 orang, namun negeri ini mencatatkan peratusan yang tinggi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, berdasarkan data yang diperoleh dari Lembaga Peperiksaan Malaysia bagi tahun 2006 hingga 2011, didapati calon PMR dari Sabah mencatatkan peratusan tertinggi berada dalam kategori berprestasi rendah. Ini diikuti dengan negeri Johor dan Sarawak yang bersilih ganti menduduki tangga kedua selepas Sabah. Manakala, calon PMR dari negeri Terengganu paling sedikit berada dalam kategori ini pada tahun 2006. Sebaliknya, pada tahun-tahun berikutnya, calon dari Wilayah Persekutuan Putrajaya paling sedikit berprestasi rendah. Berdasarkan nilai minimum dan maksimum mengikut tahun pula didapati pada tahun 2006 peratusan antara 40.7% - 28.4% dicatatkan, tahun 2007 dengan 39.2% - 11.7%, 37.5% - 16.3% tahun 2008, 38.8% - 13.3% tahun 2009, 36.7% - 12.4% tahun 2010, dan 40.3% - 14.7% tahun 2011.

Walaupun pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu sering dilaporkan semakin meningkat dari tahun ke tahun namun, yang perlu dititikberatkan juga ialah peratusan calon yang memperoleh rendah pencapaian ini. Peratusan ini dikatakan kecil berbanding peratusan murid-murid yang memperoleh keputusan yang cemerlang namun, ia sebenarnya tetap membimbangkan. Sehubungan dengan itu, langkah-langkah mengurangkan masalah ini adalah perlu agar masalah rendah pencapaian

dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dapat diatasi. Hal ini kerana bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi, perantaraan, dan ilmu. Tanpa penguasaan bahasa Melayu yang sepatutnya dikhuatiri proses memperoleh dan menyampaikan ilmu dalam kalangan murid ini berlaku secara tidak berkesan, iaitu berkemungkinan akan mempengaruhi pencapaian dalam mata-mata pelajaran lain juga.

RUJUKAN

- Abdullah Sani Yahaya. (2006). *Mengurus disiplin pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 1-12.
- Ab. Rahim Bakar (2008). Peranan sekolah dalam membantu pelajar berisiko. Dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2008). *Memahami pelajar berisiko: Ke arah pembangunan kerjaya keusahawanan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Azizi Yahaya. (2004). Enhancing intrinsic motivation and parenting to help underachieving students to perform well in school. Universiti Teknologi Malaysia.
- Banning, M. (2005). Approaches to teaching: Current opinions and related research. *Nurse Educational Today*, 25 (7): 502-508.
- Cox, H. (2009). Coaching underachieving students to achieve their dreams. <http://ezinearticles.com/?Coaching-Underachieving-Students-to-Achieve-Their-Dreams!&id=2350660>. Diakses pada 10 Februari 2013
- Dunnewind, S. (2002). How to identify underachieving students and motivate them to reach for the stars. <http://community.seattletimes.nwsourc.com/archive/?date=20021019&slug=underachieve19> Diakses pada 13 Januari 2013.
- Hamidah Sulaiman, Siti Salina Abdullah & Farrah Dina Yusop. (2004). Peranan ibu bapa dan guru dalam membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pencapaian akademik. *Masalah Pendidikan*, 27: 75-86.
- Hickman G.P. & Garvey I.J. (2006). An analysis of academic achievement and school behaviour problems as indices of program effectiveness among adolescents enrolled in a youth-based mentoring program. *The Journal of At-Risk Issues*, 12 (1): 1-9.
- Juriah Long. (2008). *Pendidikan Bahasa Melayu antara hasrat dengan pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ibrahim Nazri. (2005). Ciri-ciri keberkesanan program pendidikan untuk pelajar berisiko dari perspektif pelajar. Dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Foo Say Fooi. (Editor) (2005). *Memperkasa pendidikan pelajar berisiko*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaludin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad. (2010). Sosiokognitif pelajar remaja terhadap bahasa Melayu. *GEMA Online™ of Language Studies*, 10 (3): 67-87.
- Nor Hayati Alwi. (2005). Persepsi guru berhubung tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran kontekstual di sekolah-sekolah harian dan pusat GIATMARA. Dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Foo Say Fooi. (Editor) (2005). *Memperkasa pendidikan pelajar berisiko*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ogbonnia Chukwu-Etu. (2009). Underachieving learners: Can they learn at all? *ARECLS*, (6): 84-102.
- Poonam R. Malik & Shanti Balda (2006). Bright underachievers: Prevalence and practice. *Journal of Social Science*, 12 (3): 159-161.
- Wilkie, J.A., Wideman, B.G, Gartman, Haisten, C.N & Turco, T.L (1992). Serving the underachiever: School-based interventions. Paper presented at the annual meeting of the American Psychological Association, August 14-18.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2008). Pandangan guru terhadap pelajar berisiko. Dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2008). *Memahami pelajar berisiko: Ke arah pembangunan kerjaya keusahawanan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Foo Say Fooi (Editor) (2005). *Memperkasa pendidikan pelajar berisiko*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifley Hamid (2005). *Penilaian pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.